

# PM rasmi pusat siber Melaka Ahad

**A**YER KEROH: Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan menyaksikan upacara menandatangani perjanjian lapan syarikat teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) bertaraf antarabangsa dengan kerajaan negeri ketika lawatannya ke sini Ahad ini.

Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd Ali Rustam, berkata lapan syarikat berkenaan akan membuka pejabat di Melaka Cybercentre Koridor Raya Multimedia (MSC) di Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC).

Beliau berkata, pembabitan lapan syarikat ICT terbabit akan menjadikan jumlah syarikat ICT di negeri ini kepada 61 dengan 53 daripadanya beroperasi di bangunan Inkubator K-Ekonomi.

Upacara menandatangani perjanjian itu akan diadakan serentak dengan pelancaran MSC Malaysia @ Melaka Cybercentre oleh Perdana Menteri.

"Ia akan merancakkan lagi pembangunan ICT di negeri ini, sekaligus menyumbang kepada usaha menjadikan Melaka negeri maju menjelang 2010," katanya kepada pemberita di sini.

Beliau berkata kawasan Cybercentre MITC membabitkan kawasan seluas 75 hektar, dilengkapi pelbagai kemudahan dan infrastruktur canggih.

Sebaik tiba pagi Ahad ini, Abdullah dijadual mendengar taklimat Pembangunan Melaka di Seri Negeri sebelum melancarkan MSC Malaysia @ Melaka Cybercentre di